

PROMOSI eDEPOSIT TETAP-i ([English version](#))

TEMPOH PROMOSI

“Promosi eDeposit Tetap-i” (“Promosi”) Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) bermula pada 18 November 2024 dan berakhir pada 08 Disember 2024, termasuk kedua-dua tarikh, atau apabila mencapai jumlah had saiz dana seperti yang dinyatakan dalam **Klausula 13** di bawah, mengikut mana-mana yang awal (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi ini (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada semua pelanggan yang sedia ada dan baharu yang merupakan pemegang Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong Bank / Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”) dan mendaftar untuk Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan Perbankan Mudah Alih HLB Connect (“**HLB Connect**”) sebelum atau semasa Tempoh Promosi (“**Pelanggan**”).
2. Bagi mengelakkan keraguan:
 - (i) Pelanggan baharu merujuk kepada pelanggan yang tidak mempunyai sebarang CASA/CASA-i sebelum Tempoh Promosi;
 - (ii) Pelanggan sedia ada merujuk kepada pelanggan yang mempunyai sebarang produk HLISB atau Hong Leong Bank (“**HLB**”) (HLISB dan HLB secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) sebelum Tempoh Promosi; dan
 - (iii) Pemegang CASA/CASA-i bersama **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan Akaun eDeposit Tetap-i (seperti yang ditakrifkan di bawah) dan **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
3. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan, kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisyiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam T&S ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan terma dan syarat yang berkenaan dengan CASA/CASA-i dan Akaun eFD-i **TIDAK** layak menyertai atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
4. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan sebarang kesalahan yang dinyatakan di dalam ini akan dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi.
5. Promosi ini **TIDAK** sah dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

KAEDAH PROMOSI

6. Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan di atas dan membuat peletakan Deposit Tetap-i secara dalam talian (“**eFD-i**”) ke dalam akaun eFD-i baharu atau sedia ada (“**Akaun eFD-i**”) melalui HLB Connect bagi amaun tidak kurang daripada Amaun Peletakan Minimum dan tidak melebihi Amaun Peletakan Maksimum (“**Amaun Peletakan eFD-i**”) untuk Tempoh yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah semasa Tempoh Promosi adalah berhak untuk menikmati Kadar Promosi yang tertera dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Tempoh Promosi	Tempoh	Kadar Promosi ¹	Amaun Peletakan Minimum	Amaun Peletakan Maksimum
18 November-08 Disember 2024	8 bulan	3.80% setahun	RM1,000	RM200,000

¹ Kadar Promosi mungkin disemak semula sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalam (OPR) atau mengikut budi bicara Bank dengan memberikan notis terlebih dahulu.

7. Pelanggan yang telah memenuhi kriteria dalam Klausus 6 di atas dirujuk sebagai "**Pelanggan Layak**".
8. Bagi tujuan Promosi ini, dana untuk peletakan eFD-i mestilah dari bank lain (iaitu dana baharu) dan dipindahkan melalui *Financial Process Exchanges ("FPX")*. FPX adalah suatu cara pembayaran selamat dalam talian yang memudahkan pindahan dana antara bank, disediakan oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. Butiran lanjut berkaitan dengan FPX boleh disemak di <https://www.paynet.my/business-fpx.html>.
9. Amaun deposit maksimum untuk setiap transaksi melalui FPX ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Ribu (RM200,000)** tertakluk pada amaun maksimum/had pindahan yang ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan Layak yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.
10. Proses peletakan eFD-i mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari bekerja dan tarikh efektif peletakan eFD-i adalah pada tarikh Bank berjaya menyempurnakan proses peletakan tersebut. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan Layak kerana masa yang diperlukan untuk memproses peletakan tersebut.
11. Peletakan eFD-i hanya boleh dibuat menerusi HLB Connect antara pukul 06:00 pagi hingga 12:00 tengah malam semasa Tempoh Promosi, dan atas dasar siapa cepat dia dapat. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD-i mesti dihantar selewat-lewatnya pada pukul 12:00 tengah malam pada hari terakhir Tempoh Promosi bagi peletakan tersebut diterima untuk Promosi ini.
12. Pada tarikh matang, Amaun pokok Peletakan eFD-i akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa eFD-i atau dikeluarkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan (seperti yang ditakrifkan di Klausus 16), berdasarkan pilihan yang dibuat oleh Pelanggan Layak semasa peletakan.
13. Had saiz dana agregat untuk Akaun eFD-i Sertaan di bawah Promosi ini adalah seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 2 di bawah ("**Had Saiz Dana**"):

Jadual 2

Tempoh	Had Saiz Dana
8 bulan	RM350 juta

14. Jika Had Saiz Dana telah dicapai, Amaun Peletakan eFD-i yang melebihi Had Saiz Dana akan tertakluk pada kadar semasa eFD-i mengikut budi bicara Bank.
15. Pihak Bank berhak untuk mengubah Tempoh Promosi, Kadar Promosi eFD-i dan/atau kriteria/kelayakan untuk Promosi dengan memberi notis awal dengan memaparkan T&S yang telah diubah di laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my ("**Laman Sesawang Bank**") atau mana-mana cara lain yang pihak Bank dapat wajar dan perubahan tersebut berkuat kuasa daripada tarikh efektif yang dinyatakan di dalam notis tersebut. Sebarang perubahan adalah tidak terpakai untuk peletakan eFD-i yang dibuat sebelum tarikh perubahan tersebut dikuatkuasakan.
16. Pelanggan Layak dikehendaki menentukan CASA/CASA-i yang diselenggarakan dengan Bank di bawah nama individu Pelanggan Layak ("**CASA/CASA-i Diperuntukkan**") bagi tujuan mengkreditkan keuntungan yang diperolehi di bawah Promosi ini. Keuntungan yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Diperuntukkan Pelanggan Layak pada tarikh matang.

17. Jika Amaun Peletakan eFD-i dikeluarkan sebelum tempoh matang, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, tiada keuntungan akan dibayar bagi amaun pengeluaran pramatang eFD-i, tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran pramatang. Bagi mengelakkan sebarang keraguan, keuntungan akan dikira atas baki amaun pokok setelah pengeluaran tersebut dibuat.
18. Pihak Bank berhak untuk menolak dan mendebit amaun setara dengan keuntungan yang dibayar kepada Pelanggan Layak bagi eFD-i yang dikeluarkan sebelum tarikh matang daripada Amaun pokok Akaun eFD-i.
19. Pelanggan Layak yang mempunyai eFD-i akan dianggap telah bersetuju melepaskan hak untuk menuntut harga jualan penuh bagi sebarang pengeluaran eFD-i sebelum tarikh matang.
20. Tertakluk pada Klausus 17 di sini, pengeluaran sebahagian Amaun Peletakan eFD-i dibenarkan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Walau bagaimanapun, jika baki dalam eFD-i kurang daripada **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut dan sebarang pengeluaran akan dianggap sebagai pengeluaran pramatang dari keseluruhan eFD-i mengikut Klausus 17 di atas.
21. Amaun Peletakan eFD-i **TIDAK** boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan menjamin apa-apa kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan Layak.

UMUM

22. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak bersetuju:
 - (i) telah membaca, memahami, menerima dan bersetuju untuk mematuhi T&S di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat berkaitan dengan CASA/CASA-i dan Akaun eFD-i ("**Terma dan Syarat Berkenaan**");
 - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi adalah muktamad;
 - (iii) bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan Layak;
 - (iv) untuk mengakses Laman Sesawang Bank dengan kerap untuk menyemak T&S Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
 - (v) keuntungan yang diperolehi tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit, cek atau manfaat seumpamanya; dan
 - (vi) bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, yuran kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.
23. Pihak Bank berhak:
 - (i) dengan notis awal kepada Pelanggan Layak, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi ini dengan cara paparan dalam Laman Sesawang Bank atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
 - (ii) untuk membatalkan keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan; dan
 - (iii) untuk menarik semula dana jika terdapat sebarang penipuan, atau pelanggaran Terma dan Syarat Promosi dikesan.
24. Tambahan kepada T&S di dalam ini, Pelanggan Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca dengan T&S ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
25. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi ini, maka T&S dalam Laman Sesawang Bank akan diguna pakai.
26. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
27. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.



Ahli PIDM. eDeposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

eDeposit Tetap-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.